

06 MAY 1996

Mahathir-Yong

PERLANTIKAN YONG ADA HUBUNGAN DENGAN KES MAHKAMAHNYA

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau sedang meneliti kemungkinan-kemungkinan kesan kes mahkamah yang dihadapi oleh Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee terhadap perlantikannya sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru.

" Saya kena tahu juga sama ada kemungkinan dia didapati bersalah dan mungkin tak dapat menjadi Ketua Menteri," katanya kepada pemberita di Bangunan Parlimen di sini selepas membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh pada persidangan Dewan Rakyat.

Dr Mahathir berkata: "Kalau saya lantik dia dan tiba-tiba dia dikenakan hukuman dengan denda RM2,000 atau lebih, ini bermakna dia hilang kelayakan."

Jumaat lepas, Perdana Menteri mengumumkan perlantikan Yong sebagai Ketua Menteri menggantikan Datuk Salleh Said Keruak sebagai menunai janjinya untuk menggilirkan jawatan itu di kalangan pemimpin kaum-kaum utama di negeri itu.

Ketika mengumumkan perlantikan itu, Dr Mahathir berkata penggiliran itu akan dilaksanakan secepat mungkin kerana Salleh telah mengemukakan surat perletakan jawatannya.

Yong menghadapi tuduhan mengambil bahagian dalam perarakan haram pada pilihan raya umum 1990 di Kota Kinabalu. Kes itu telah bermula di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu dan akan disambung semula lewat bulan ini. Jika sabit kesalahan, beliau boleh didenda minimum RM2,000.

Ketika ditanya sama ada perlantikan Yong bergantung kepada keputusan mahkamah atau Yong akan hanya dilantik setelah mahkamah membuat keputusan, Dr Mahathir berkata: " Saya hendak tahu apa kemungkinannya...kena tahu dulu, hendak jawab tak boleh, sebelum atau selepas".

Dr Mahathir berkata beliau perlu berjumpa dengan Yong untuk membincangkan perkara itu tetapi setakat ini belum berbuat demikian.

" Saya nak tahu apa dia kedudukannya. Saya hanya baca dalam akhbar sahaja berkenaan dengan kes dia (Yong) itu," katanya.

Ketika ditanya kemungkinan pemimpin kaum Kadazan dipilih jika Yong didapati bersalah, Dr Mahathir berkata: "Kalau tak dapat satu orang Cina, kita cari Cina lain ataupun kita cari Kadazan...itu terpulanglah."

Beliau menegaskan yang penting ialah kerjajaan bersetuju menggilirkan jawatan itu dan ini sedang dilaksanakan.

Perdana Menteri juga berkata tiada nama lain dikemukakan setakat ini selain Yong untuk menyandang jawatan Ketua Menteri itu. -- BERNAMA

AZZ AU NAK